

Oleh **Dr Abdul Rashid Abdul Aziz**



# Kita perlu ramai hero pertahanan **perpaduan**

**K**ini sudah lebih dua bulan berada dalam tahun 2016. Gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini yang menyeru seluruh anggota masyarakat di Malaysia supaya menguatkan azam untuk berusaha memperkukuhkan lagi perpaduan sesama rakyat sempena azam 2016, satu gesaan positif daripada seorang pemimpin negara. Ia jelas memaparkan bahawa Malaysia sememangnya memerlukan pengemaskinian sikap masyarakat dalam pergaulan seharian.


Keprihatinan pemimpin utama kerajaan dalam soal ajakan kepada 'tambah nilai' semula atau 'reload sikap' serta cara pergaulan masyarakat satu petanda bahawa berlaku perubahan nilai sosial dan psikologi rakyat yang semakin bersikap individualistik. Segelintir rakyat pincang cara dan gaya hidupnya seolah-olah tidak mengendahkan dunia bermasyarakat. Mungkin ia perlu diperincikan dalam bentuk yang lebih ilmiah iaitu menerusi kajian yang lebih saintifik.

Saranan pemimpin negara supaya usaha berbaik-baik sesama jiran tetangga serta menghidupkan kembali semangat silaturahmi bermasyarakat dengan pemupukan semangat kejiranan yang tinggi satu cabaran kepada setiap rakyat untuk lebih proaktif dalam membina sebuah komuniti aktif dan mesra.

Saya melihat apa yang cuba ditekan oleh Najib ialah usaha pemupukan psikologi positif yang dapat memurnikan sikap anggota masyarakat supaya kemajuan tidak hanya diukur dalam bentuk material, tetapi juga merangkumi pembinaan sikap yang baik sesama insan. Kerukunan negara dalam komuniti positif dengan keluhuran hati nurani yang juga murni tidak disangkal ia secara khusus terjelma akibat daripada aplikasi sifat dan jelmaan psikologi minda dan hati yang juga positif.

Dalam aplikasi ilmu kemanusiaan, elemen psikologi yang murni iaitu penerapan nilai positif daripada minda, hati dan perasaan serta juga aplikasi lisan serta perbuatan dalam kehidupan harian satu keperluan utama.

Jika hati dan minda positif, semesti ia juga akan terjelma dalam bentuk lisan dan tindakan. Contohnya dalam dunia pekerjaan iaitu antara fasa kehidupan seharian yang dilalui, maka jaringan perhubungan dalam kalangan komuniti kerja adalah antara 'kehidupan harian' yang utama. Jika ko-



**SEMANGAT** gotong-royong perlu dipupuk untuk menyemai perpaduan.

muniti kerja wujud persekitaran membina secara positif dengan nilai persahabatan yang kukuh dan ikhlas tanpa didasari sifat cemburu dan iri hati iaitu cerminan sifat negatif di tempat kerja, maka suasana kondusif tempat kerja akan terbina.

Tetapi jika sebaliknya berlaku, persekitaran kerja akan dipenuhi aplikasi nilai negatif dan ia akan meransang kepada kerosakan yang besar. Akibat hubungan tidak lagi murni dan disertai nilai negatif yang menjadi 'pengawal minda' yang iri hati serta cemburu. Akhirnya, elemen silaturahmi akan tergugat, suasana menjadi tegang, daya inovasi tergugat malah segala kebaikan sesama rakan sekerja akan dinafikan, sekali gus persekitaran tidak membina potensi akan wujud. Begitu juga dalam kalangan masyarakat, sifat negatif perlu kikis kerana ia boleh merosakkan jaringan silaturahmi sesama anggota. Inilah antara gaya yang perlukan perubahan.

Komuniti masyarakat di negara ini wujud dalam pelbagai lapangan termasuk di kejiranan, sesama keluarga serta dalam persekitaran kerja dan pergaulan seharian, elemen positif minda dan hati serta perlakuan perlu diterap dan diaplikasi. Jika ini tidak berlaku, ia boleh menjadikan kita terperangkap dalam 'jebak' negatif. Sifat negatif akan memusnahkan kebaikan dan menimbulkan persengketaan secara sedar atau secara 'bawah sedar.'

Kemelut negatif sudah membawa persepsi buruk termasuk kepada imej baik sesetengah usaha kerajaan dalam membangunkan negara. Ia menjadi denyut nadi dalam diri dan masyarakat jika tiada pembaharuan nilai berjaya dilakukan.

'Jebak negatif' ini bukan sahaja melanda alam realiti, bahkan ia begitu meluas di alam maya. Cubaan menyakitkan hati dan pe-

rasaan sesama individu masyarakat adalah secara langsung cerminan kepada penularan 'wabak' negatifisme yang tidak membina nilai baik diri dan komuniti.

Perubahan daripada nilai negatif kepada nilai positif dalam pemupukan semangat silaturahmi dan kemasyarakatan yang tinggi salah satu gesaan murni yang disarankan Perdana Menteri harus mendapat kepekaan oleh kita semua sebagai rakyat.

Pembinaan kejiranan dan jalinan hubungan mesra dengan penglibatan aktif dalam khidmat komuniti yang dahulunya disebut gotong-royong seperti dalam aktiviti kenduri serta aktiviti kebajikan satu praktikal kepada amalan positif. Usaha mempopularkan nilai positif di segenap tempat termasuk di tempat kerja, perumahan, bandar dan kampung amat perlu digerakkan dan disokong oleh segenap pemimpin dan anggota masyarakat.

Kita harus berubah daripada menjadi ejen menularkan elemen negatif untuk menjadi pendakwah dan pengedar informasi positif. Bahkan Malaysia memerlukan lebih ramai hero jiwa positif dan pembina serta pendamai dalam masyarakat.

Melaksanakan misi kerosakan hubungan sesama jiran dan rakan sekerja serta anggota komuniti memang mudah dilakukan, namun membina hubungan positif cukup mencabar dan sesiapa yang bernilai positif masa kini adalah hero masyarakat yang sebenar. Hipotesis mudah, buat baik nilai positif dan hasilnya juga adalah positif jika tiada nilai pengganggu cuba merosakkan agenda positif yang cuba dibina.

**Penulis Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UEM**